

UNIT RUJUKAN  
DITERIMA  
10 NOV 2018  
U.R. &  
M.B.P.J.

# PEMERDAGANGAN MANUSIA



Fakta  
nombor

14 PENGEMIS

diselamatkan  
dalam 'Ops Beggar'

RM5,000

wang tunai pelbagai  
negara dirampas

RM4,000

SEBULAN

diserah kepada  
sindiket



Antara pengemis warga China  
mengemis sekitar ibu negara.

Pengemis cacat didalangi warga China ditahan ketika mengemis sekitar ibu negara dalam 'Ops Beggar'.

## Pengemis China pungut RM700 sehari

## → Sindiket peralat warga asing cacat kaut ratusan ribu ringgit sejak enam bulan lalu

Oleh Norazizah Mokhtar dan Siti Azila Alias  
sitiiazila@bh.com.my

### ► Kuala Lumpur

Satu sindiket yang menjadikan warga China cacat anggota sebagai pengemis dan mengaut keuntungan ratusan ribu ringgit sejak enam bulan lalu, tumpas susulan penahanan tujuh individu termasuk dalangnya yang juga warga negara itu, awal pagi semalam.

Dalam 'Ops Beggars' yang bermula jam 4.30 pagi itu, seramai 14 pengemis diselamatkan sementara pelbagai peralatan termasuk wang tunai pelbagai negara berjumlah RM5,000 dirampas.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Amar Singh Ishar Singh, berkata mereka yang ditahan adalah dalang, lima pemandu teksi berusia 44 hingga 70 tahun dan seorang

lelaki rakyat tempatan yang berperanan sebagai ejen.

Katanya, hasil risikan mendedahkan, sindiket berkenaan beroperasi sejak enam bulan lalu dengan seorang pengemis mampu memperoleh purata RM700 sehari dan perlu menyerahkan antara RM3,000 hingga RM4,000 sebulan hasil keuntungan kepada sindiket.

"Sindiket diketuai seorang lelaki dikenali sebagai 'Dauyo', berusia 44 tahun. Dauyo mempunyai abang di China yang menguruskan memasuki pengemis ke negara ini.

### Sewa hotel bajet

"Hasil risikan selama dua minggu mendapati, semua pengemis ini menyewa di hotel bajet dengan kadar RM50 sehari dan dibayar mereka sendiri, hasil wang mengemis," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Katanya, mereka akan bergerak ke lokasi ditetapkan menaiki teksi dengan bayaran RM50.

"Sindiket beroperasi dua syif, yang mana syif pagi dari jam 6.30 pagi hingga 11.30 pagi manakala

syif petang dari jam 6.30 petang hingga 11.30 malam.

"Lapan lokasi dikenal pasti menjadi tumpuan iaitu pasar malam Taman Connaught di Cheras; pasar pagi Lebuhraya Staka dan Jalan Bahagia di Klang; pasar pagi Jalan Alam Damai, Cheras; pasar awam Sungai Pelek, Sepang; pasar pagi Jinjang; pasar pagi Puchong Jaya dan Taman Kinrara," katanya.

### Pasport tamat tempoh

Amar Singh berkata, hasil siasatan mendapati lima daripada pengemis itu mempunyai pasport, tetapi sudah tamat tempoh manakala selebihnya tidak mempunyai dokumen perjalanan sah dengan ada antara mereka dikenal pasti masuk ke negara ini sejak dua tahun lalu.

Katanya, pihaknya akan berhubung dengan kedutaan China selain bekerjasama dengan pihak berkuasa di China bagi mendapatkan bantuan mengesan dalang di sana.

"Semua mangsa berusia antara 21 hingga 53 tahun akan ditempatkan sementara di pusat perlindungan di Johor," katanya.



Amar Singh menunjukkan barang rampasan pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, semalam.

Untuk komen  
e-mel ke [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)  
atau di laman Facebook BH Online

Untuk video  
layari [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)